PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(2) Disember. 2013 (49–62)

Siapa 'Aku'? Analisis Blog Wanita dan Pengkid Berasaskan Pendekatan Prosodi Semantik

Norwati Mohd Zain, Hishamudin Isam
zainnorwati@gmail.com, din@uum.edu.my
Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

Abstrak
Dasar demokrasi digital yang diamalkan oleh Malaysia telah menyebabkan Malaysia dikenali sebagai antara pengguna sfera blog yang paling ceria di dunia. Paling terserlah ialah kemunculan blog-blog persendirian yang mempamerkan penggunaan bahasa daripada pelbagai kelompok gender dan transgender contohnya kelompok gender wanita dan transgender pengkid. Justeru itu, kajian ini cuba memberi dimensi baru mengenai kajian penggunaan bahasa dalam blog dengan membandingkan penggunaan bahasa golongan wanita dan pengkid. Untuk merealisasikan hasrat ini, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan prosodi semantik yang diperkenalkan dalam aliran linguistik korpus. Kaedah penelitian yang menggunakan gabungan aspek kata kunci dalam konteks, konkordans, kolokasi dan kekuatan konsep consistence aura dalam prosodi semantik telah menjelaskan fenomena penggunaan bahasa dalam blog yang ditulis oleh golongan gender wanita dan transgender pengkid. Hasil daripada penelitian data, didapati leksis [aku] telah mencatatkan jumlah kekerapan (frequency) tertinggi bagi blog wanita dan pengkid. Kolokasi leksis [aku] sebagaimana yang dikenal pasti dalam data blog kedua-dua kelompok telah berjaya memaparkan tiga aspek penting iaitu: identiti, penampilan fizikal (wajah, pakaian, aura wajah) dan rohani (citra peribadi, hubungan) golongan wanita dan pengkid.

Kata kunci: blog, wanita, pengkid, 'aku', prosodi semantik

Abstract
The implementation of digital democracy policy in Malaysia has allowed its blogosphere to be vibrant. Most notable is the emergence of personal blogs by gendered and transgendered groups, specifically females and dykes. This study, therefore, attempted to offer a new dimension on the use of language in blogs by comparing the use of language between bloggers who identified themselves as females and dykes. To realize this, the study opted for semantic prosody approach introduced in the field of corpus linguistics. The blogs were examined through a combination of contextualized keywords, concordances, collocations, and the prevalent concept of consistence aura in semantic prosody. The findings revealed that the lexis [aku] recorded the highest frequency for female and dyke bloggers. The lexis collocation [aku] identified in both groups' blogs has succeeded in demonstrating three important aspects which are identity, physical appearances (face, clothes, facial aura) and spiritual (personal images, relations) for female and dyke bloggers.

Key words: blogs, female bloggers, dykes, 'aku', semantic prosody

1. Pengenalan

Cara yang paling mudah untuk memahami corak pemikiran seseorang adalah dengan melihat bahasanya. Asmah Haji Omar (1993) berpendapat bahawa bahasa mampu menjalankan pelbagai fungsi menurut kehendak penggunanya. Fungsi bahasa adalah selaras dengan penggunaan bahasa tersebut sebagai alat kognitif iaitu; pola pemikiran, menyampaikan ilmu pengetahuan, budaya, corak kehidupan dan komunikasi manusia yang tiada hadnya. Menurut beliau lagi, penggunaan bahasa merupakan cerminan kepada cara kehidupan sosial atau rohani penggunanya.

Perubahan pemikiran dan cara hidup selalunya diikuti oleh perubahan bahasa khususnya dalam bentuk penggunaan kata-kata, penambahan kosa kata, bentuk ayat yang digemari dan ungkapan-ungkapan yang menarik. Dalam membincangkan bahasa sebagai wahana komunikasi, Trudgill (2000) berpendapat, bahasa yang digunakan sebagai wahana komunikasi akan menjadi penjalin kepada bentuk pemikiran, dan seterusnya menjadi kerangka kepada pelbagai bentuk lakuan dan tindakan penggunanya. Dengan kata lain, sifat sesuatu bangsa dapat difahami dengan mengkaji khazanah bahasa yang mereka gunakan sebagai wahana komunikasi dalam kehidupan seharian mereka sama ada khazanah tersebut berbentuk lisan atau tulisan.

2. Kajian Lepas

Kajian mengenai penggunaan bahasa telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan antarabangsa, seperti kajian oleh Goddard (1996;1997), Aishah Md. Kassim (2008), Zulkifley Hamid (2011), Adhikari, Krippner, Pitchford & Davies (2012), dan Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa (2012). Kajian-kajian tersebut meliputi penggunaan bahasa dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu sosiologi, kesusasteraan, komunikasi, psikologi dan antropologi. Kajian-kajian dalam disiplin ilmu sosiologi misalnya telah mengaitkan penggunaan bahasa dengan masyarakat, manakala kajian-kajian kesusasteraan pula telah mengaitkan penggunaan bahasa dengan keindahan penceritaannya. Selain itu, terdapat juga kajian penggunaan bahasa yang dikaitkan dengan kebolehan manusia memperoleh, menggunakan serta memahami bahasa sebagaimana yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dalam disiplin ilmu psikologi. Kajian-kajian yang dilakukan dalam pelbagai bidang ilmu ini penting untuk membantu seseorang itu mengenali tabiat, cara berfikir, perangai dan kaitannya dengan jiwa manusia secara individu mahupun kelompok. Dengan mengenali keperibadian manusia, maka mudah untuk seseorang itu menggunakan bahasa untuk berinteraksi sesama manusia kerana setiap manusia mempunyai perwatakan yang berbeza.


Penggunaan bahasa untuk berinteraksi kini menjangkau dunia siber hasil perkembangan teknologi maklumat dan multimedia. Kepesatan industri multimedia pula telah mewujudkan perisian blog yang mesra pengguna seperti *facebook, twitter, blogspot, wordpress* dan *friendstar.* Istilah '"blog" pula berasal daripada perkataan "weblog" yang dicipta oleh Jorn Barger pada tahun 1997, merujuk kepada buku harian peribadi penulis dalam dunia siber (Blood, 2000). Penggunaan blog mendapat tempat di kalangan pengguna siber di Malaysia kerana Malaysia mempraktikkan dasar demokrasi digital sebagai salah satu medium percambahan ilmu malah Malaysia juga dikenali sebagai negara yang mempunyai sfera blog yang paling ceria dan paling kurang dikawal di dunia (Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa, 2012). Pengguna blog bukan sahaja terbatas kepada ahli politik atau wartawan amatur, tetapi juga terbuka kepada golongan individu yang menganggap blog sebagai saluran menyuarakan pendapat serta berkomunikasi antara satu sama lain.

Kerancakan lambakan maklumat dalam talian berterusan apabila Sherfesee, Orelind, Shalhoup, dan Dawson (1996) pula telah membangunkan pangkalan data *website* yang mula beroperasi di Amerika Syarikat pada April 1996. Pangkalan data yang dikenali dengan nama *Alexa web information* antara lain berfungsi untuk menghasilkan informasi serta statistik terkini bagi pelbagai jenis web, jumlah pengguna dan demografi pembaca melibatkan 202 buah negara di dunia. Hasil penelitian yang dilakukan melalui *Alexa web information* menunjukkan bahawa laman *blogspot.com* adalah laman kelima paling kerap dilayari oleh pengguna di Malaysia selepas *facebook, google.com.my, google,* dan *youtube* dengan catatan pengunjung seramai 31,765 orang. Malaysia juga tersenarai antara lima buah negara yang mencatatkan penggunaan tertinggi laman *blogspot.com* di dunia dengan catatan penggunaan berjumlah 3.1 peratus. Statistik peratusan penggunaan laman *blogspot.com* berdasarkan negara tersebut dapat diteliti seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Statistik Lima Pengunjung Laman *blogspot.com* Tertinggi di Dunia oleh *Alexa Web Information*

Visitors by Country for Blogspot.com

Country	Percent of Visitors
United States	26.5%
Indonesia	10.9%
India	4.6%
Pakistan	3.2%
Malaysia	3.1%



Alexa Web Information juga telah mengenal pasti jumlah pengguna *blogspot.com* di Malaysia majoritinya terdiri daripada golongan wanita yang berumur antara 18 hingga 24 tahun. Kebanyakan pengguna *blogspot.com* di Malaysia melayari laman tersebut semasa berada di rumah. Hal ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa laman blog adalah antara laman siber paling popular di kalangan pengguna wanita di Malaysia. Berikut diperturunkan Jadual 2 yang mengandungi data demografi pengguna laman *blogspot.com* Malaysia berdasarkan umur, gender, pendidikan, anak dan lokasi pelayaran:

Jadual 2: Data Demografi Pengguna *blogspot.com* di Malaysia Mengikut Umur, Gender, Pendidikan, Anak dan Lokasi Pelayaran oleh *Alexa Web Information*



Kajian Crampton (2003) mendapati bahawa kebanyakan pengguna siber gemar melayari laman blog untuk berkongsi maklumat seperti kehidupan peribadi, berita, hiburan, perniagaan, perundangan, dan pendidikan. Kecenderungan kepada perkongsian maklumat serta kebergantungan terhadap internet dalam mencari maklumat telah mewujudkan pula pelbagai jenis blog persendirian yang memaparkan diari kehidupan peribadi penulis.

Penulis-penulis blog persendirian sering menggunakan bahasa secara bebas, kreatif serta mempelbagaikan bentuk bahasa yang antara lain bertujuan meluahkan perasaan, berkongsi pengalaman mahupun memberi pendapat berhubung sesuatu isu. Blog-blog persendirian ini mempunyai khalayak pembacanya sendiri. Hal tersebut demikian kerana sifat blog itu sendiri adalah bebas tema, bebas suntingan, mudah untuk dikemas kini, mesra pengguna, dinamik dan mempunyai jaringan dengan blog-blog yang lain sekali gus mewujudkan rangkaian pengguna yang dikenali sebagai *blogsphere* (Wall, 2005). Oleh itu, blog-blog persendirian boleh dijadikan bukti penting wujudnya fenomena sebenar penggunaan bahasa kerana blog tersebut telah digunakan oleh pengguna bahasa untuk saling berinteraksi serta menjalinkan set hubungan sosial dalam komuniti.

Penggunaan Bahasa Blog Berorientasi Gender dan Transgender

Kajian penggunaan bahasa dan kaitannya dengan media blog khususnya melibatkan kelompok gender dan transgender telah banyak dilakukan oleh pengkaji tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah kajian oleh Alireza Doostar (2004), Huffaker & Calvert (2005), Ruzy Suliza Hashim (2007), Suurnäki (2009), Cristina Ong Sook Beng & Yuen Chee Keong (2012) dan Vero (2012). Sepanjang yang dapat ditelusuri pengkaji, kajian-kajian yang dilakukan dalam kelompok penggunaan bahasa dan blog hanya ditumpukan kepada satu kelompok gender dan transgender yang dilakukan secara terpisah-pisah sahaja sama ada melibatkan gender lelaki, perempuan, atau transgender. Contoh kajian yang merujuk penggunaan bahasa dalam blog oleh kelompok gender wanita ialah kajian penggunaan bahasa dua penulis blog wanita oleh Ruzy Suliza Hashim (2007) manakala penggunaan bahasa melibatkan kelompok gender lelaki pula dilakukan oleh Huffaker dan Calvert (2005). Selain itu, kajian mengenai penggunaan bahasa dan blog yang melibatkan kelompok transgender seperti gay dan lesbian pernah dilakukan oleh Suurnäki (2009) yang antara lainnya membincangkan aspek bahasa yang membentuk identiti seks golongan tersebut. Kajian penggunaan bahasa dalam blog oleh kelompok gender dan transgender dianggap penting kerana ia dapat menggambarkan bukan sahaja bahasa malah identiti , budaya serta pemikiran golongan tersebut.

Oleh itu, kajian ini cuba memberi dimensi baru mengenai kajian penggunaan bahasa dalam blog dengan membandingkan penggunaan bahasa golongan wanita dan pengkid[1]. Kajian ini dianggap penting dalam usaha untuk meneliti ciri-ciri spesifik penggunaan bahasa oleh kedua-dua identiti yang memperlihatkan perbezaan bahasa bagi kelompok gender wanita dan transgender pengkid tersebut. Kajian penggunaan bahasa ini mampu memenuhi tiga ciri utama kajian iaitu kepadaan memerhati aspek penggunaan bahasa dan kaitannya dengan blog, menghurai dengan menggunakan data daripada fenomena penggunaan sebenar serta mampu menjelaskan fenomena penggunaan bahasa berdasarkan teori yang bersesuaian (Nor Hashimah Jalaluddin, 2006). Untuk merealisasikan hasrat ini, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan prosodi semantik yang diperkenalkan dalam aliran linguistik korpus.

3. Metodologi

Pendekatan prosodi semantik yang dipelopori oleh Sinclair (1991) dan Louw (1993) adalah salah satu pendekatan dalam disiplin linguistik korpus. Kedua-dua tokoh tersebut telah mengemukakan idea berkaitan penelitian bahasa dari skop yang luas melibatkan fenomena kepenggunaan sesuatu perkataan. Pendekatan prosodi semantik sebenarnya amat berkait rapat dengan data korpus kerana ia melibatkan kaedah pengkomputeran untuk menganalisis data daripada fenomena penggunaan perkataan dalam kuantiti yang besar jumlahnya (Louw 1996, Adolphs & Carter 2002 dan Stewart 2010). Tiga istilah penting yang menjadi gagasan dalam pendekatan ini ialah kata kunci dalam konteks (rangkai kata dalam konteks sebenar teks, KWIC), konkordans (susunan kekerapan kata) dan kolokasi (kata yang berdekatan). Ketiga-tiga istilah ini akan menghasilkan pemahaman yang lebih unik dan mantap berkenaan sesuatu perkataan.

Pelbagai kajian korpus dengan menggunakan pendekatan prosodi semantik telah dijalankan contohnya Sinclair (1996) dalam mengkaji perkataan *true feelings* (perasaan sebenar) telah mengenal pasti ekspresi kata tersebut berdasarkan kata *show, reveal* dan *share.* Beliau telah menganalisis kekerapan penggunaan perkataan true feelings seterusnya mengumpulkan kolokasi span kiri dan kanan perkataan tersebut iaitu *show, reveal* dan *share*. Unit makna (*unit of meaning*) yang terkumpul dalam data tersebut dianalisis untuk melihat kesan ekspresi perkataan tersebut sama ada berunsur positif, negatif atau neutral. Sementara itu, Louw (1993) telah memperkenalkan istilah *consistent aura* iaitu aura makna yang konsisten yang diperoleh oleh sesuatu perkataan hasil proses pindahan makna

daripada perkataan dan frasa yang saling berdekatan (kolokasi) sebagaimana yang disebutnya *"... definition of semantic prosody as a 'consistent aura of meaning with which a form is imbued by it's collocates*" (hal. 157). Stewart (2010) pula membincangkan bagaimana sesuatu perkataan memperoleh makna (dan nilai) hasil daripada lekapan makna *(attached meaning)* perkataan-perkataan lain yang bergabungan dan berkolokasi dengan perkataan tersebut. Sebagai contoh, kajian yang telah dilakukan oleh Yunisrina Qismullah Yusuf (2010) telah membincangkan bagaimana pemerolehan makna bagi perkataan 'robots' terhasil daripada lekapan makna yang bergabung dan berkolokasi dengan persekitaran tempat kerja seperti *service, machine, surgical system* dan *intelegence.*

Kaedah yang digunakan dalam pendekatan prosodi semantik iaitu gabungan aspek kata kunci dalam konteks, konkordans, kolokasi dan kekuatan konsep *consistence aura* diyakini mampu menjelaskan fenomena penggunaan bahasa dalam blog yang ditulis oleh golongan gender wanita dan transgender pengkid. Kaedah ini juga diyakini dapat memperkenalkan identiti melalui ekspresi penggunaan leksis yang dikaji secara lebih empirikal dan saintifik.

Penyelidikan bahasa berasaskan korpus bukanlah perkara baharu dalam kalangan ahli-ahli bahasa. Kamus Linguistik (1997) mendefinisikan korpus sebagai " data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis, dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa, atau leksikal sesuatu bahasa" (hal. 141). Korpus blog yang diguna pakai oleh pengkaji merupakan koleksi teks dalam bentuk digital yang dikumpulkan daripada blog-blog persendirian berbahasa Melayu berdasarkan kriteria tertentu (blog gender wanita dan transgender pengkid). Sebanyak 10 blog wanita dan 10 blog pengkid telah dikenal pasti untuk dijadikan pangkalan data korpus blog bagi tujuan kajian ini.

Data daripada blog wanita dan pengkid akan disaring dan diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu gender wanita dan transgender pengkid. Data yang telah diklasifikasikan mengikut kategori tersebut seterusnya dipindahkan ke dalam bentuk *plain text* untuk dijadikan pangkalan data. Pangkalan data tersebut seterusnya akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Antcont versi 3.3.5*. Pangkalan data korpus bagi blog yang dibina oleh pengkaji ini membolehkan penelitian makna sesuatu perkataan dilakukan berdasarkan pemerhatian terhadap situasi dan konteks penggunaan bahasa dalam blog tersebut. Pemerhatian akan dilakukan secara teliti pada setiap baris-baris konkordans untuk mengenal pasti kepelbagaian makna perkataan berdasarkan perubahan makna yang wujud hasil daripada perubahan kombinasi kata. Untuk tujuan analisis data, pengkaji akan menggunakan pendekatan prosodi semantik dengan mengenal pasti jenis kata *(type)* dan kekerapan setiap *type* dengan bantuan *collocates* dalam program *Antcont.* Rentang kata bagi hubungan kolokasi antara *type* dikira berdasarkan jumlah lima kolokasi kanan dan lima kolokasi kiri.

Hasil daripada penelitian data, didapati leksis [aku] mencatatkan jumlah kekerapan *(frequency)* tertinggi bagi blog wanita (1250) dan pengkid (2786). Jumlah kekerapan penggunaan leksis [aku] dalam kedua-dua data ini menunjukkan bahawa leksis [aku] menjadi pilihan utama gender wanita mahupun transgender pengkid. Oleh itu, untuk tujuan kajian ini, hanya leksis [aku] akan dianalisis pola penggunaannya dalam konteks. Jadual 3 menunjukkan statistik leksis [aku], bilangan blog, kekerapan dan keberlakuan berikut.

Jadual 3: Statistik leksis [aku], Bilangan blog, Bilangan Kekerapan dan Bilangan Keberlakuan

Leksis *(types) aku*	**Bilangan Blog**	**Bilangan Kekerapan (*frequency*)**	**Bilangan Keberlakuan (tokens)**
Blog wanita	10	1,250	105,327
Blog pengkid	10	2,782	112,298

Sebanyak 20 blog telah digunakan dalam kajian ini dan didapati penggunaan leksis [aku] telah mencatatkan bilangan kekerapan (*frequency*) sebanyak 4,032 iaitu bersamaan 1.9 peratus berbanding dengan jumlah keseluruhan bilangan keberlakuan (*tokens*) sebanyak 217,625. Jumlah yang dipaparkan dalam Jadual 3 dapat menggambarkan fenomena sebenar penggunaan leksis [aku] dalam blog tersebut.

4. Analisis dan Perbincangan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan 'aku' sebagai " kata ganti nama diri pertama (biasanya dipakai sewaktu berdoa kpd Tuhan) atau di antara orang yang rapat perhubungan mereka, tetapi agak kasar terhadap orang yg perlu dihormati " (hal. 27). Asmah Haji Omar (2009: 89) pula telah meletakkan 'aku' dalam kategori kata ganti nama diri mufrad yang mempunyai bentuk yang utuh. Pemakaian kata ganti nama 'aku' dari segi sosiolinguistik berada dalam penggunaan konteks kasar atau intim. Pemakaian 'aku' pula merujuk kepada aspek berikut iaitu; taraf sosial pengguna bahasa yang terlibat dalam peristiwa bahasa, darjah kerapatan hubungan antara pengguna, suasana persekitaran peristiwa bahasa, dan judul yang dipercakapkan.

Sebenarnya persoalan berhubung identiti [aku] dalam wacana tulisan mahu pun lisan pernah dibincangkan oleh Erikson (1993); Kafai, (1996) dan Huffaker & Calvert (2003) yang antara lain menyarankan agar identiti [aku] dikaji dengan merujuk kepada dua aspek utama iaitu aspek dalaman dan luaran penggunanya. Contoh aspek dalaman identiti tersebut adalah ciri-ciri definisi diri , serta personaliti manakala aspek pengalaman luaran pengguna identiti [aku] pula ialah peranan sosial identiti tersebut, hubungannya dengan orang lain dan nilai-nilai yang dikongsi bersama antara individu tersebut dengan masyarakat sekelilingnya. Selain itu, aspek fizikal (jantina, bangsa dan umur) serta sosial (seksualiti, etnik atau prinsip moral) juga mungkin memberi kesan kepada definisi dan persembahan diri individu [aku]. Penggunaan ganti nama [aku] sebagaimana yang dikemukakan oleh para pengkaji tersebut didapati masih kurang mendedahkan identiti dan ekspresi makna penggunaan leksis [aku]. Oleh itu, berdasarkan data yang telah disaring dengan menggunakan pendekatan prosodi semantik, maka pola ayat yang menjadi asas penggunaan leksis [aku] dalam blog gender wanita dan transgender pengkid telah dikenal pasti. Sila rujuk data penggunaan leksis [aku] dalam blog gender wanita dan transgender pengkid dalam jadual 4 berikut.

Jadual 4: Data Penggunaan Leksis [aku]

[aku] dalam Blog Wanita	[aku] dalam Blog Pengkid
1. best gila dapat jumpa kawan-kawan yang cun, biasalah ***aku*** pun perempuan cun katakan…[KJ55]	1. tapi aku tak bagitau dia rahsia *** aku*** pengkid sebab aku suka begitu …[VD1357]
2. Hey hebatnya HSKU 2011 dikuasai oleh kaum perempuan macam aku***yang ayu ni. syoknya, rasa istimewa sangat [KJ54]	2. …***aku*** pengkid… itu perasaan songsang aku, salah ke? [AF568]
3. Apa pulak, hello ***aku*** ni perempuan yang cantik, mestilah nak kulit licin sentiasa… [PB964]	3. Serius ***aku*** cakap jadi pengkid gurl, buat aku lebih bahagia bersama Honey…[NS1418]
4. Biasalah ***aku*** perempuan ayu yang jadi pengapit pengantin, mestilah nak cantik baru klasss…[HK232]	4. Ikutilah kisah rahsia***aku*** sebagai seorang pengkid sejak 1999 lagi…[NS1400]
5. bila keluar je mesti nak cantik ***aku*** mesti pakai tudung bawal macam ni…. [HK60]	5. . …. bila aku balik dari asrama rambut ***aku*** pendek kemas… [JC1469]
6. Tak tau ***aku*** nak pakai tudung stail apa hari raya ni, nak lawa…. [HK55]	6. Rambut dia pendek macam ***aku*** juga [PS1513]
7. Waktu tu pasal nak cantik ***aku*** gila pakai tudung shawl belit belit lilit-lilit…[AN146]	7. ***Aku*** potong rambut pendek macam kakak aku, nampak smart [DP12]
8. …bila g dinner ***aku*** pakai dress labuh camni, siap hias ngan boot tinggi lagi perghh…[AN220]	8. Benci kat bonjol di dada ni… ***aku*** sendiri suka pakai baju longgar hingga sekarang … [AF868]
	9. *** aku*** selalunya akan pakai baju longgar

9. nak bagi hias cantik cam dia*** aku*** pakai lah cropped shoulder puff cardigan dengan dress labuh… [AN114]

10. aku suka melaram dan berhias ***aku*** bila pakai high heel dan dress labuh, terserlah keayuannya [AN76]

11. self confident yang rendah sebab muka ***aku*** penuh jerawat, tak cantik, tak ayu, tak jelita.… [AN56]

12. Apa ingat muka ayu***aku*** yang punyalah licin macam telur dikupas tak layak?...[CK224]

13. muka buruk ***aku*** penyek je sebab baru lepas menangis sok sek sok sek…hilang seri ayu…[AN103]

14. Kalau salah rumah memang ***aku*** malulah dan nak sorok muka bawah meja pengantin [HK363]

15. ***aku*** yang pemalu berada di tempat yang tak seharusnya aku berdiri. Hilang muka aku [CK267]
16. aihh mana nak letak muka nih dah salah call macam tak kena dengan perangai ***aku*** yang pemalu ini [HK383]

17. "I love our blog:, terharu ***aku*** korang tau tak? rasa nak nangis bila kena puji… [NK18]

18. masa aku bertunang hari tu ***aku*** nangis gembira sambil peluk Ana sebab terharu sangat [AN103]

19. ***aku*** menangis sambil menyahtinja dek kerana aku terharu dengan kecomelan toilet ini [HK841]

20 …***aku*** jerit-jerit sambil menangis terharu sebab tak nak kat kau [PB90]

21. melihat blog dia, ***aku*** jatuh cinta kat MatLutfi si jejaka kacak itu… [AN76]

22. Awak ragukan cinta ***aku***kah wahai lelakiku? [PB90]

23. Baru ***aku*** bercita-cita untuk bercinta dengan teruna hujung taman rumah aku dah kena kebas… [HK358]

24. . masa bercinta dekat sekolah dulu, ***aku*** selalu dapat surat cinta dari lelaki itu sampai berkotak-kotak…[HK921]

supaya dada shape tu tak nampak sangat… [JC60]

10.. bila shopping ***aku*** pilih baju yang longgar dengan seluar pendek warna denim, aku ikat dada kemas-kemas…[VD172]

11. Muka ***aku*** yang macam jantan ni pun nak dirabanya…[JC111]

12. muka ***aku*** memang jantan habis, siap ada kumis nipis lagi…[JC747]

13. Dia cakap yang muka ***aku*** macam jantan, tapi baik hati…[VD1712]

14. . ***aku*** pengkid kasar yang tak layan lelaki…[AF1599]

15. ***aku*** memang kasar, aku potong rambut pendek macam jantan [JC1567]

16. Jadi dengan perwatakan ***aku*** yang sedia kasar jantan ini buat aku memang something male bila orang tengok [DP1573]

17. biasalah ***aku*** ni kasar dan boyish sikit kalau dibandingkan dengan diaorang… [AL35]
18. Perpisahan ini tak pernah kuminta semua ini berlaku kerana cinta terlarang **Aku*** benci diri aku sendiri… [VD512]

19. menyesal aku dan*** aku*** benci diri sendiri kerana cinta sejenis…[AL45]

20. Macam bangang.. itulah ***aku*** benci diri sendiri menjadi seorang perempuan… [JC1991]

21. ***Aku*** benci diri aku bila period. Siap benci benci aku jadi gini…[AL888]

22. dalam hidup ***aku*** cinta aku yang pertama adalah dengan pengkid bukan lelaki….[AF92]

22. Macamanalah nak straight macam ***aku*** yang tinggal dan bercinta dengan closet lesbian?[AF89]

23. Untuk cikgu yang macam ***aku*** ni yang gagal mengelak menyintai pelajar perempuan yang gebu itu…[VD611]

24. ***Aku*** suka perempuan bermula dari darjah tiga. Bayangkan….[AF703]

25. eh eh ehh… ***aku*** suka lelaki yang berkulit licin itu [AN20]	25. Haisyyy… aku rasa ***aku*** sudah suka sama perempuan gebu itu…[JC91]
26. sebab lelaki tu suka decorate rumah, ***aku*** suka sangat dia…[HK112]	26. . … aku… selalunya akan suka kepada perempuan yang bertudung [JC93]
27. comelnya panggil lelaki abang, ***aku*** yang asalnya tak kenal jadi suka kat abang…[PB8]	27. dan aku perasan yang ***aku*** suka perempuan yang lebih tua dari aku…[JC78]

Leksis [aku] dalam data wanita sering berkolokasi dengan leksis [perempuan], [cun], [ayu] dan [cantik]. Ini menunjukkan bahawa golongan wanita lebih banyak menggunakan kata sifat yang bernilai positif bagi menggambarkan identiti penggunanya. Dapatan ini secara tidak langsung dapat menjelaskan identiti sebenar pengguna leksis [aku] tersebut. Misalnya:

Identiti Leksis [aku] dalam Blog Wanita

1. best gila dapat jumpa kawan-kawan yang cun, biasalah ***aku*** pun **perempuan cun** katakan… [KJ55]

2. Hey hebatnya HSKU 2011 dikuasai oleh kaum **perempuan** macam ***aku*** yang **ayu** ni. syoknya, rasa istimewa sangat [KJ54]

3. Apa pulak, hello ***aku*** ni **perempuan yang cantik**, mestilah nak kulit licin sentiasa… [PB25]

4. Biasalah ***aku*** **perempuan ayu** yang jadi pengapit pengantin, mestilah nak **cantik** baru klasss… [HK232]

Hal ini berbeza dengan leksis [aku] dalam data pengkid yang dilihat lebih berkolokasi dengan leksis [rahsia], [songsang] dan [pengkid] bagi memperkenalkan identiti golongan ini. Pemilihan leksis tersebut memberi gambaran awal mengenai kewujudan kelompok pengkid dalam penulisan blog. Misalnya,

Identiti Leksis [aku] dalam Blog Pengkid

1. tapi aku tak bagitau dia **rahsia** *** aku*** **pengkid** sebab aku suka begitu … [VD1357]

2. ***aku*** **pengkid**… itu perasaan **songsang** aku, salah ke? [AF568]

3. Ikutilah kisah **rahsia*****aku*** sebagai seorang **pengkid** sejak 1999 lagi… [NS1400]

Penampilan fizikal golongan pengguna leksis [aku] wanita juga ternyata berbeza jika dibandingkan dengan golongan pengkid khususnya dalam aspek penampilan wajah, pemilihan pakaian, dan aura wajah. Jika diteliti daripada ketiga-tiga aspek tersebut ternyata leksis [aku] dalam blog wanita lebih banyak berkolokasi dengan leksis [cantik], [tudung], [dress labuh], [muka] dan [ayu] manakala leksis [aku] dalam blog pengkid pula cenderung berkolokasi kepada leksis [rambut], [pendek], [dada], [longgar], [kasar], [muka] dan [jantan]. Bukti dari leksis [aku] dalam kedua-dua blog ini menunjukkan penampilan fizikal bagi kedua-dua kumpulan ini ketara amat berbeza. Contohnya:

Penampilan Fizikal Leksis [aku] dalam Blog Wanita

(Penampilan wajah)

1. bila keluar je mesti nak **cantik** ***aku*** mesti pakai **tudung** bawal macam ni…. [HK60]

2. Tak tau ***aku*** nak pakai **tudung** stail apa hari raya ni, nak lawa…. [HK55]

3. Waktu tu pasal nak **cantik** ***aku*** gila pakai **tudung** shawl belit belit lilit-lilit… [AN146]

(Pemilihan pakaian)

1…bila g dinner ***aku*** pakai **dress labuh** camni, siap hias ngan boot tinggi lagi perghh… [AN220]

2…nak bagi hias **cantik** cam dia*** aku*** pakai lah cropped shoulder puff cardigan dengan **dress labuh**… [AN114]

3…aku suka melaram dan berhias ***aku*** bila pakai high heel dan **dress labuh**, terserlah **keayuannya** [AN76]

(Aura wajah)

1. self confident yang rendah sebab **muka** ***aku*** penuh jerawat, tak cantik, tak **ayu**, tak jelita.… [AN56]

2. Apa ingat **muka ayu**aku*** yang punyalah licin macam telur dikupas tak layak?... [CK224]

3. **muka** buruk ***aku*** penyek je sebab baru lepas menangis sok sek sok sek…hilang seri **ayu**… [AN103]

Penampilan Fizikal Leksis [aku] dalam Blog Pengkid

(Penampilan wajah)

1. . ..bila aku balik dari asrama **rambut** ***aku*** **pendek** kemas… [JC1469]

2. **Rambut** dia **pendek** macam ***aku*** juga [PS1513]

3. ***Aku*** potong **rambut pendek** macam kakak aku, nampak smart [DP12]

(***Pemilihan pakaian)***

1. Benci kat bonjol di **dada** ni… ***aku*** sendiri suka pakai **baju longgar** hingga sekarang … [AF868]

2. *** aku*** selalunya akan pakai **baju longgar** supaya **dada** shape tu tak nampak sangat… [JC60]

3. … bila shopping ***aku*** pilih **baju yang longgar** dengan seluar pendek warna denim, aku ikat **dada** kemas-kemas… [VD172]

(***Aura wajah)***

1. **Muka** ***aku*** yang macam **jantan** ni pun nak dirabanya… [JC111]

2. **muka** ***aku*** memang **jantan** habis, siap ada kumis nipis lagi… [JC747]

3. Dia cakap yang **muka** ***aku*** macam **jantan**, tapi baik hati… [VD1712]

Aspek rohani bagi kedua-dua kelompok gender wanita dan transgender pengkid dapat dianalisis melalui penggunaan leksis [aku] dalam data blog. Aspek rohani tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penggunaan leksis yang memperlihatkan kolokasi leksis [aku] dengan leksis yang menggambarkan citra peribadi dan leksis yang menggambarkan hubungan. Leksis [aku] dalam blog wanita mempamerkan citra peribadi penggunanya berdasarkan kekerapan leksis tersebut berkolokasi dengan leksis [pemalu], [muka], [terharu] dan [nangis]. Leksis-leksis yang berkolokasi dengan leksis [aku] tersebut ternyata lebih dominan dengan citra wanita serta ekspresi maknanya lebih positif. Hal tersebut dapat diperhatikan dalam contoh data berikut:

Citra Peribadi Leksis [aku] dalam Blog Wanita

1. Kalau salah rumah memang ***aku*** **malulah** dan nak sorok **muka** bawah meja pengantin [HK363]

2. ***aku*** yang **pemalu** berada di tempat yang tak seharusnya aku berdiri. Hilang **muka** aku [CK267]

3. aihh mana nak letak **muka** nih dah salah call macam tak kena dengan perangai ***aku*** yang **pemalu** ini [HK383]

4. "I love our blog:, **terharu** ***aku*** korang tau tak? rasa nak **nangis** bila kena puji… [NK18]

5. masa aku bertunang hari tu ***aku*** **nangis** gembira sambil peluk Ana sebab **terharu** sangat [AN103]

4. ***aku*** **menangis** sambil menyahtinja dek kerana aku **terharu** dengan kecomelan toilet ini [HK841]

5. ***aku*** jerit-jerit sambil **menangis terharu** sebab tak nak kat kau [PB90]

Sekiranya citra peribadi bagi leksis [aku] dalam blog wanita lebih positif sifatnya, hal sebaliknya berlaku kepada leksis [aku] dalam blog pengkid. Leksis [aku] dalam blog pengkid lebih banyak berkolokasi dengan leksis [kasar], [jantan], dan [benci]. Penggunaan leksis tersebut memberi ekspresi makna yang negatif dan hal ini dapat dibuktikan melalui data berikut.

Citra Peribadi Leksis [aku] dalam Blog Pengkid

1. ***aku*** pengkid **kasar** yang tak layan lelaki… [AF1599]

2. ***aku*** memang **kasar**, aku potong rambut pendek macam **jantan** [JC1567]

3. Jadi dengan perwatakan ***aku*** yang sedia **kasa**r **jantan** ini buat aku memang something male bila orang tengok [DP1573]

4. biasalah ***aku*** ni **kasar** dan boyish sikit kalau dibandingkan dengan diaorang…[AL35]

5. Perpisahan ini tak pernah kuminta semua ini berlaku kerana cinta terlarang ***Aku*** **benci diri** aku **sendiri**… [VD512]

6. menyesal aku dan*** aku*** **benci diri sendiri** kerana cinta sejenis…[AL45]

7. Macam bangang.. itulah ***aku*** **benci diri sendiri** menjadi seorang perempuan…[JC1991]

8. ***Aku*** **benci diri aku** bila period. Siap benci benci aku jadi gini…[VD512]

Selain itu, penggunaan leksis [aku] juga memperlihatkan hubungan peribadi bagi kedua-dua kelompok gender dan transgender tersebut berdasarkan kekerapan kolokasi leksis tersebut dengan leksis-leksis lain yang membawa makna yang sama. Leksis [aku] dalam blog wanita dikenal pasti berkolokasi dengan leksis [cinta], [lelaki], dan [suka]. Manakala leksis [aku] dalam blog pengkid pula berkolokasi dengan [cinta], [perempuan], dan [suka]. Contohnya:

Hubungan Leksis [aku] dalam Blog Wanita

1. melihat blog dia, ***aku*** jatuh **cinta** kat MatLutfi si **jejaka** kacak itu…

2. Awak ragukan **cinta** ***aku***kah wahai **lelakiku**? [AN76]

3. Baru ***aku*** bercita-cita untuk **bercinta** dengan **teruna** hujung taman rumah aku dah kena kebas… [HK358]

4. masa **bercinta** dekat sekolah dulu, ***aku*** selalu dapat surat cinta dari **lelaki** itu sampai berkotak-kotak…[HK921]

5. eh eh ehh… ***aku*** **suka lelaki** yang berkulit licin itu [AN20]

6. sebab **lelaki** tu suka decorate rumah, ***aku*** **suka** sangat dia… [HK112]

7. comelnya panggil **lelaki** abang, ***aku*** yang asalnya tak kenal jadi **suka** kat abang… [PB8]

Hubungan Leksis [aku] dalam Blog Pengkid

1. dalam hidup ***aku*** **cinta** aku yang pertama adalah dengan **pengkid** bukan lelaki…. [AF92]

2. Macamanalah nak straight macam ***aku*** yang tinggal dan **bercinta** dengan closet **lesbian**? [AF89]

3. Untuk cikgu yang macam ***aku*** ni yang gagal mengelak **menyintai** pelajar **perempuan** yang gebu itu… [VD611]

4. ***Aku*** **suka perempuan** bermula dari darjah tiga. Bayangkan…. [AF703]

5. Haisyyy… aku rasa ***aku*** sudah **suka sama perempuan** gebu itu… [JC91]

6. … aku… selalunya akan **suka** kepada **perempuan** yang bertudung [JC93]


7. dan aku perasan yang ***aku*** **suka perempuan** yang lebih tua dari aku… [JC78]

Jelas sekali penggunaan leksis [aku] dalam blog wanita dan pengkid mempunyai ekspresi makna yang berbeza. Kolokasi leksis [aku] sebagaimana yang dikenal pasti dalam data blog kedua-dua kelompok telah berjaya memaparkan tiga aspek penting iaitu: identiti, penampilan fizikal (wajah, pakaian, aura wajah) dan rohani (citra peribadi , hubungan) golongan wanita dan pengkid. Gabungan hasil penelitian data leksis [aku] tersebut dapat dilihat seperti jadual 5 berikut.

5. Kesimpulan

Penggunaan pendekatan prosodi semantik dapat menjelaskan fenomena penggunaan leksis [aku] dalam blog gender wanita dan transgender pengkid dengan lebih empirikal. Penelitian terhadap makna leksis [aku] yang diperoleh daripada data blog ini mampu mendedahkan leksis-leksis lain yang berkolokasi dengan leksis [aku] sehingga mampu pula menterjemahkan aspek identiti, fizikal dan rohani golongan gender wanita dan transgender pengkid tersebut. Ciri-ciri yang membezakan leksis [aku] dalam blog gender wanita dan transgender pengkid dapat dikenal pasti dengan lebih sistematik. Menariknya kajian yang menggunakan data korpus blog ini adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa berasaskan contoh-contoh penggunaan bahasa yang sebenar dan dapat menjelaskan falsafah di sebalik pola bahasa yang wujud (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010). Kajian ini juga diharap dapat dijadikan kajian rintis bagi mengkaji penggunaan bahasa dalam kelompok gender dan pelbagai transgender yang lain.

Jadual 5: Dapatan Data Leksis [aku]



Rujukan

Adolphs, S., & Carter, R. (2002). 'Points of view and semantic prosodies in Virginia Woolf's to the lighthouse'. *Poetica, 58*. 7-20.

Aishah Md. Kassim. (2008). Malay language as a foreign language in the Singapore's education system. *Gema Online Journal of Language Studies. 8 (1).* 47-69.

Alireza Doostar. (Disember, 2004). The vulgar spirit of blogging: On language, culture and power in Persian weblogestan. *American Anthropologist. 104 (4).* 651-662.

Asmah Hj. Omar. (1993). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir: Edisi kelima.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Blood, Rebecca. (2000). "Weblogs: A History and Perspective", Rebecca's Pocket. Retrieved Oktober 10, 2012, from http: // www. rebeccablood. net/ essays/ weblog_history.html Wall, M. (2005). 'Blogs of War': Weblog as news. *Journalism. 6 (2).* 153 – 172.

Collins, W. A., & Kuczaj, S. A. (1991). *Developmental Psychology: Childhood and Adolescence*. New York: MacMillan Publishing Company.

Crampton, J.W. (2003). *The Political Mapping of Cyberspace*. Edinburgh: Edinburge University Press Ltd.

Cristina Ong Sook Beng & Yuen Chee Keong. (2012). Peminjaman leksikal dalam blog bahasa Inggeris remaja Malaysia. *Malaysian Journal of Communication. 28 (1).* 137 – 150.

Erikson, E. H. (1993). *Childhood and Society*. New York: W.W. Norton & Company.

Huffaker, D. A., & Calvert, S. L. (2003). The new science of learning: Active learning, metacognition, and transfer of knowledge in e-Learning applications. *Journal of Educational Computing Research. 29(3).* 325-334.

Huffaker, D. A., and Calvert, S. L. (2005). Gender, identity, and language use in teenage blogs. *Journal of Computer-Mediated Communication, 10(2*). Retrieved November 10, 2012, from http://jcmc.indiana.edu/vol10/issue2/huffaker.html.

Kafai, Y. (1996). Electronic Play Worlds: Gender differences in children's constructions of video games. In Y. B. K. a. M. Resnick (Ed.), *Constructionism in practice: Designing, thinking, and learning in a digital world* (pp. 97-111). Mawhaw, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adhikasi, K., Krippner, S., Pitchford, D.B., & Davies, J.A. (2012). The search fo universal values. *IOSR Journal of Humanities of Social*

Sciences. 2 (1) , 69-72.
Goddard, C. (September, 1996). The "social emotion" of Malay (Bahasa Melayu). *Ethos. 24 (3)*. 426-462.
Goddard, C. (1997). Cultures values and culture scripts of Malay (Bahasa Melayu). *Journal of Pragmatic. 27*. 183-201.
Louw, B. (1993). Irony in the text or insincerity in the writer? The diagnostic potential of semantic prosodies. In M. Baker, G. Francis, & E. Tognini Bonelli (Eds.), *Text and technology: In honour of John Sinclair* (pp.157-175). Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
Noor Azlin Bidin dan Normah Mustaffa (2012). Blogosphere: How youth perceived blogs creadibility. *Malaysian Journal of Communication. 28(1*). 33-54.
Nor Hashimah Jalaluddin (2006). Budaya penyelidikan dan penerbitan bertamadun: Satu sinergi. *GEMA Online Journal of Language Studies. 6 (2*). 49-63.
Nor Hashimah Jalaluddin. (2010, April). Unsur saintifik dalam bahasa Melayu: Satu kajian korpus. *Bahasa dan sastra*. 10 (1). 89 – 109.
Ruzy Suliza Hashim. (2007). Blogs of their own: A story of two Malaysian women bloggers. 3*L Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature. 13*. 1 – 15.
Sinclair, J. (1991). *Corpus, concordance, collocation.* Oxford: Oxford University Press.
Sinclair, J. (1996). The search for units of meaning. *Textus, 9*. 75-106.
Sherfesee, D., Orelind, G., Shalhoup, R., & Dawson, S. (1996). *Alexa the web information company: Alexa managers team*. Retrieved November 11, 2012, from http://www.alexa.com/company/managers.
Stewart, D. (2010). *Semantic prosody: A critical evalution*. New York: Routledge Pub.
Suurnäkki, L.L. (August, 2009). *Gossiping about sexuality: A critical discourse analysis of a gossip blog*. Master Thesis. Department of Languages English. University of Jyväskylä, Finland.
Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society (4th Ed.).* London: Penguin Books.
Vero, P. (2012). Media and freedom of expression. *Journal of Humanities and Social Sciences*. 28-31.
Yunisrina Qismullah Yusuf. (2010, April). A Corpus-based Linguistic Analysis on Spoken Corpus: Semantic Prosodies on "Robots". *Journal of Language and Linguistic Studies. 6(1).* 49-64.
Zuklifley Hamid. (2012). Keupayaan berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia. *E. Bangi. 7 (1).* 224-234.